

Pesaka perlukan \$25,000

- 4 OCT 1987

B. Minggu (M)

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) memerlukan \$25,000 membiayai latihan pusat dua pasukan negara sebagai persiapan menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 di Kuala Lumpur 2-9 Disember ini.

Dalam kejohanan yang sama di Vienna, Austria, tahun lalu Malaysia memungut sebutir perak bagi acara kelasik — Silat Kembangan — dan dua gangsa menerusi Ahmad Fauzi Osman dan Abdullail Muhamad. *PINEM DIAK*

Penolong Setiausahaanya, Sulaiman Sarijan, berkata latihan pusat bermula 1 November ini dan akan berakhir menjelang kejohanan itu. Keputusan latihan pusat itu sudah dibuat dalam mesyuarat jawatankuasa Pesaka semalam.

Beliau memberitahu, latihan itu pada mulanya dirancang pertengahan bulan ini tetapi memandangkan masalah kewangan ia terpaksa ditunda. Sebagai persatuan yang baru berkembang, ia tidak dapat lari daripada masalah kewangan.

"Pesaka sudah membelanjakan banyak wang membiayai keperluan pesilat-pesilat negara ke Sukan SEA lalu selepas Majlis Olimpik Malaysia (MOM) menyenaraikan lebih separuh pesilat dalam katogeri B," jelasnya.

Katanya, pesilat-pesilat itu sudah mempunyai

asas ketika menjalani latihan pusat untuk ke Sukan SEA lalu.

"Kami akan lebih menumpukan kepada latihan fizikal dan mental kerana itu adalah punca kegagalan sebahagian pesilat di Jakarta tempoh hari," tambahnya.

■ SISTEM Penerbangan Malaysia (MAS) dan S J Kenderaan Sdn Bhd, menjadi pengangkut rasmi udara dan darat bagi kejuaraan ini.

Kedua-dua syarikat pengangkutan awam itu adalah di antara penaja-penaja yang menyatakan kesediaan masing-masing menaja kejuaraan yang disertai oleh kira-kira 15 negara itu.

Kejuaraan itu anjuran bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Pesaka, Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) dan Berita Harian Sdn Bhd.

Jurucakap penganjur memberitahu, selain menawarkan potongan harga tiket untuk pegawai dan peserta luar negeri, MAS turut menyumbangkan wang tunai \$30,000, sementara S J Kenderaan \$35,000 dalam bentuk perkhidmatan bas.

Milo yang menjadi minuman rasmi kejuaraan lapan hari itu menyumbangkan \$30,000. Tumasik Pewter \$50,000.

Penganjur juga mengalu-alukan mana-mana syarikat swasta yang sedia menjadi penaja utama atau penaja bersama.



■ **IMBAS KEMBALI...**sebahagian peserta silat negara menjalani latihan persiapan Sukan SEA di Jakarta.